

30 OCT 2003

MMC-GAMUDA/I

MMC-GAMUDA AKAN LAKSANAKAN SENDIRI PROJEK LANDASAN BERKEMBAR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Rakan kongsi usaha sama MMC-Gamuda akan menjalankan kerja-kerja awam landasan berkembar keretapi dari Ipoh ke Padang Besar dan dari Seremban ke Johor Bahru sendiri atau mengenalpasti syarikat-syarikat lain sebagai sub-kontraktor.

Bagaimanapun sama ada rakan kongsi itu akan melaksanakan kerja itu sendiri atau mengenalpasti syarikat lain sebagai sub-kontraktor tertakluk kepada kelulusan daripada kerajaan, kata Malaysia Mining Corporation Bhd (MMC) dalam satu kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

MMC mendedahkan bahawa di bawah Surat Anugerah yang bertarikh 21 Okt, 2003, usaha sama MMC-Gamuda diperlu menawarkan hak menolak kepada Ircon International Ltd dan DRB-Hicom/Emrail sebagai subkontraktor bagi pelaksanaan kerja-kerja awam bahagian utara dan China Railway Engineering Corp (CREC) serta DRB-HICOM Hikmat Asia bagi bahagian utara landasan itu.

Usaha sama MMC-Gamuda telahpun menawarkan hak menolak kepada kedua-dua Ircon dan CREC dan DRB-Hicom Hikmat Asia bagi bahagian masing-masing untuk penerimaan pada 12 tengah hari, hari ini, kata MMC.

Bagaimanapun, tiada satu antara mereka yang menerima tawaran itu, kata syarikat tersebut.

Sekiranya MMC-Gamuda gagal mencapai perjanjian dengan mana-mana atau semua pihak yang mempunyai hak menolak, usaha sama itu akan mengenalpasti syarikat lain sebagai subkontraktor tertakluk kepada kerajaan.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kerajaan masih mengkaji sama ada projek landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar dan dari Seremban ke Johor Bahru patut kekal sebagai inisiatif kerajaan kepada kerajaan.

"Perkara itu sedang dikaji ketika ini," katanya kepada sidang media selepas membentangkan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat, di sini.

Pada 2001, kerajaan telah memberikan surat hasrat kepada Indian Railway Construction Co (Ircon) dan China Expressway Engineering Corporation (CREC) untuk melaksanakan projek itu.

Bagaimanapun minggu lalu ia telah memberikan surat anugerah kepada usaha sama Gamuda-MMC untuk melaksanakan projek bernilai RM14.45 bilion itu kerana kerajaan menganggap tawaran oleh Ircon dan CREC terlalu mahal.

Ircon dan CREC pada awalnya menyerahkan bidaan berjumlah RM42 bilion tetapi beberapa minggu lalu telah mengurangkan anggaran harga kepada kira-kira RM19 bilion berikutan permintaan daripada kerajaan Malaysia. --

BERNAMA

MR/MSL SHY ZK